



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### **CAPAIAN PERKHIDMATAN JALUR LEBAR DI KAWASAN PEDALAMAN TERUS DIBERI PERHATIAN DI BAWAH AGENDA PEMBANGUNAN INKLUSIF**

Komitmen Kerajaan untuk menjayakan pembangunan ke arah transformasi digital negara sedang giat dilaksanakan menerusi Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) dan inisiatif MyDIGITAL yang merupakan teras bagi merealisasikan aspirasi negara digital, seiring dengan Wawasan Kemakmuran Bersama menjelang tahun 2030.

Antara usaha yang diberi tumpuan adalah memperluaskan capaian internet, terutamanya di kawasan pedalaman. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sedang memuktamadkan proses pemberian tender bagi perkhidmatan capaian jalur lebar menerusi satelit untuk 839 lokasi terpencil. Penilaian tender daripada pemegang lesen pemberi perkhidmatan yang layak akan dimulakan sebaik sahaja permohonan ditutup pada 15 April 2021.

Lokasi yang terlibat terdiri daripada 178 penempatan Orang Asli di Kelantan, Pahang, Perak, Johor, Negeri Sembilan dan Selangor, 138 di pedalaman Sabah dan 523 di pedalaman Sarawak. Kawasan-kawasan ini terletak jauh dari kemudahan rangkaian telekomunikasi sedia ada dan sebahagiannya sukar dilalui oleh jentera berat disebabkan keadaan bentuk muka bumi.

Projek ini disasarkan siap pada bulan Oktober 2021 dan bakal membolehkan penduduk di lokasi berkenaan menikmati perkhidmatan Wi-Fi secara percuma dengan kelajuan purata 35Mbps. Usaha di bawah inisiatif JENDELA ini adalah penyelesaian sementara untuk tempoh dua tahun, sebelum infrastruktur kekal dapat dibina bagi penyambungan rangkaian telekomunikasi.

Pelaksanaan JENDELA bagi tujuan ini amat penting untuk merapatkan jurang digital agar tiada yang ketinggalan dalam arus perubahan dan bagi membolehkan setiap rakyat terlibat dalam ekonomi digital. Dengan capaian internet yang menyeluruh dan berkualiti, semua rakyat Malaysia dapat membina kemahiran digital serta menikmati manfaat transformasi pendigitalan ke arah Revolusi Industri 4.0.

**DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH**  
**MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA**

**15 APRIL 2021**